

AKIDAH AHLI SUNNAH WAL JAMAAH (buku teks mukasurat 81)

ARAHAN: JAWAB SEMUA SOALAN.

1. Ahli Sunnah Wal Jamaah adalah:
 - A. Kumpulan minoriti umat Islam yang memahami dan berpegang pada al-Quran dan as-Sunnah menerusi para Sahabat, Tabi'in dan Tabi' Tabi'in dalam prinsip akidah, Syariah dan akhlak
 - B. Kumpulan majoriti umat Islam yang memahami dan berpegang pada al-Quran dan as-Sunnah menerusi para Sahabat, Tabi'in dan Tabi' Tabi'in dalam prinsip akidah, Syariah dan akhlak
 - C. Kumpulan minoriti umat Islam yang memahami dan berpegang pada al-Quran dan as-Sunnah menerusi para Sahabat, dan Tabi' Tabi'in dalam prinsip akidah, Syariah dan akhlak
 - D. Kumpulan majoriti umat Islam yang memahami dan berpegang pada al-Quran dan as-Sunnah menerusi para Sahabat, Tabi'in dan Tabi' Tabi'in dalam prinsip muamalat, Syariah dan akhlak
2. Kumpulan Ahli Sunnah Wal Jamaah dikenali dengan berbagai-bagai nama, antara yang masyhur ialah:
 - A. As-Salaf
 - B. As-Suwad
 - C. Al-'Asyairah
 - D. Al-Maliki

Tandakan (A) bagi pernyataan berkaitan prinsip akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah dan (B) bagi pernyataan yang sebaliknya.

Soalan	Pernyataan	Jawapan
3.	Meyakini adanya perkara-perkara ghaib seperti jin dan malaikat	
4.	Perutusan para Nabi dan Rasul adalah wajib bagi Allah dan rahmat-Nya kepada manusia	
5.	Segala perbuatan adalah ciptaan dan ikhtiar manusia sendiri mengikut pilihan dan kehendak untuk melakukannya	
6.	Iman ialah kepercayaan serta keyakinan dalam hati, pengakuan dengan lidah dan beramal dengan perbuatan	
7.	Syafaat Rasulullah adalah bagi sesiapa yang rajin melakukan zikir kepadanya termasuklah bagi orang yang melakukan perbuatan syirik	
8.	Yakin bahawa syurga dan neraka telah wujud sebelum dijadikan makhluk	

9. Diantara berikut, yang manakah **bukan** nama-nama lain bagi Ahli Sunnah Wal Jamaah.
 - A. al-Maturidiah
 - B. Ahlul Hadis
 - C. As-Suwadul 'Azim
 - D. As-Salafus Soleh

10. Aliran yang bertentangan dengan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah ialah
- Syiah
 - Khawarij
 - Muktazilah
 - Maunah
- i,ii dan iv
 - i,iii dan iv
 - i,ii dan iii
 - ii,iii dan iv
11. Syiah merupakan kumpulan yang menntut supaya saidina dilantik sebagai khalifah selepas Rasulullah SAW
- Abu Bakar as-Siddiq
 - Umar al-Khattab
 - Uthman bin Affan
 - Ali bin Abi Talib
12. Khawarij ialah kumpulan pengikut Saidina Ali bin Abi talib yang berpaling tadah kerana tidak berpuas hati dengan keputusan
- majlis Tahkim
 - mahkamah rayuan
 - Syura
 - Khalifah
13. Muktazilah merupakan kumpulan yang diasaskan oleh setelah berlaku perbezaan pendapat beliau dengan gurunya tentang kedudukan pelaku dosa besar.
- Hassan al-Basri, Wasil bin Khalid
 - Khalid al-Walid, Hasan al-Bana
 - Ata' bin Minna, Asri al-Husin
 - Wasil bin 'Ata, Hasan al-Basri

Bezakan prinsip-prinsip utama berikut dengan menulis (M) bagi Muktazilah, (S) bagi Syiah dan (K) untuk Khawarij dalam ruangan jawapan yang disediakan.

Soalan	Pernyataan	Jawapan
14.	Menambah nama Saidina Ali dalam syahadah	
15.	Wajib keluar menentang pemimpin yang tidak adil	
16.	Mengamalkan Taqiyyah	
17.	Menafikan sifat Ma'ani pada zat Allah SWT	
18.	Yakin bahawa pelaku dosa besar berada diantara mukmin dan kafir	
19.	Orang yang melakukan maksiat dikira berdosa besar dan kafir	

20.	Imam-imam adalah maksum	
21.	Yakin bahawa al-Imamah merupakan rukun agama	
22.	Manusia bertanggungjawab sepenuhnya atas perbuatan mereka tanpa ditentukan oleh Allah SWT	
23.	Menyeru melakukan kebaikan dan mencegah kemungkaran adalah wajib ditegakkan walau dengan apa keadaan sekalipun	
24.	Keterlaluan menyanjung saidina Ali hingga menyamakannya dengan Rasulullah SAW	
25.	Saidina Ali telah kufur kerana bersetuju mengadakan Majlis Tahkim	

26. Apakah pendapat Khawarij tentang Pelaku Dosa Besar?
- Mereka dianggap kafir
 - Mereka tetap dianggap sebagai mukmin
 - Mereka berada diantara mukmin dan kafir
 - Mereka adalah Fasik jika tidak bertaubat
27. Apakah pendapat Ali Sunnah Wal Jamaah tentang Melihat Allah?
- mustahil makhluk dapat melihat Allah
 - harus melihat Allah di dunia
 - dapat melihat Allah di syurga
 - dapat melihat Allah di padang Mahsyar
28. Kepentingan berpegang dengan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah ialah
- menjamin kesejahteraan umat Islam
 - membawa umat Islam ke arah jalan yang sesat
 - mengarahkan akidah kepada kekeliruan
 - mendapat keredhaan Allah SWT
29. Iman seseorang akan bertambah apabila.....
- melakukan amal soleh
 - menyeru amar makruf
 - melakukan maksiat
 - menurut arahan ketua
30. Muktaizilah berpendapat bahawa Al-Quran.....
- bersifat Qadim
 - bersifat baharu
 - bersifat makhluk
 - bersifat kekal